

**IDENTIFIKASI AL-HIND BERDASARKAN MU'JAM AL-BULDĀN OLEH AL-ḤAMAWĪ: KAJIAN TERHADAP HURUF AL-QĀF DAN AL-KĀF  
IDENTIFICATION AL-HIND BASED ON MU'JAM AL-BULDĀN BY AL-ḤAMAWĪ: A STUDY OF THE LETTERS OF AL-QĀF AND AL-KĀF**Rusni Mohamad<sup>1\*</sup>, Thuraya Ahmad<sup>2</sup><sup>1</sup> Pelajar Ijazah Tinggi (PhD), Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, rusnimohamad@student.usm.my<sup>2</sup> Pensyarah, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, thuraya@usm.my

\*Penulis Penghubung

Artikel diterima: 10 Oktober 2021 | Selepas Pembetulan: 07 November 2021 | Diterima untuk terbit: 27 November 2021

**Abstrak**

*al-Hind* merupakan nama tempat yang banyak disebut dalam teks Arab klasik. Ia boleh ditemui dalam syair, tafsir al-Quran, hadith, karya penjelasan hadith, sejarah dan sebagainya. Bagaimanapun, merujuk teks tersebut tanpa penelitian boleh menimbulkan salah faham bahawa *al-Hind* semestinya bermaksud Subbenua India. Tidak hairanlah banyak penulisan moden yang merujuk keistimewaan *al-Hind* yang disebut dalam teks Arab klasik sebagai kehebatan yang telah dikecapi oleh Tamadun India. Oleh yang demikian, kajian ini berinisiatif untuk mengemukakan maksud *al-Hind* dengan memberi fokus kepada bahagian *al-Qāf* dan bahagian *al-Kāf* dalam kitab *Mu'jam al-Buldān* oleh *Yāqūt al-Ḥamawī*. Pengumpulan data diusahakan dengan menjalankan kajian kepustakaan menggunakan sumber induk *Mu'jam al-Buldān* serta sumber-sumber lain yang berkaitan untuk penjelasan lanjut. Kajian bermula dengan mengeluarkan nama-nama lokasi yang diklasifikasikan oleh *al-Ḥamawī* dalam rantau *al-Hind* daripada senarai di bawah bahagian *al-Qāf* dan bahagian *al-Kāf*. Ia diikuti dengan mengumpul maklumat tempatan bagi setiap lokasi. Seterusnya, pendekatan analisis tekstual dipilih bagi mengolah data yang didapati. Hasilnya, kajian ini dapat mengenal pasti 12 nama tempat yang termasuk dalam rantau *al-Hind*; yang mana 9 daripadanya terletak di Asia Selatan, 2 di Semenanjung Tanah Melayu dan 1 di Indo-China. Identifikasi *al-Hind* atau penamaan rantau India pada masyarakat Arab dahulu kala didapati meliputi Asia Selatan, Kepulauan Melayu dan Indo-China. Sehubungan dengan itu, kajian berpandangan bahawa adalah tidak wajar menganggap mana-mana karakteristik *al-Hind* dalam kitab klasik Arab adalah milik Subbenua India tanpa penelitian terlebih dahulu. Walhal, maklumat terperinci boleh didapati dalam kitab-kitab klasik Arab yang ternyata sangat berguna untuk mendapat gambaran yang jelas.

**Kata kunci***al-Hind*; *Mu'jam al-Buldān*; identifikasi; *al-Qāf*, *al-Kāf***Abstract**

*al-Hind* is a place name that is often mentioned in classical Arabic texts. It can be noticed in poetry, tafsir al-Quran, hadith, books of hadith explanation, history and other fields. However, referring to the text without scrutiny can lead to a misunderstanding that *al-Hind*

necessarily means the Indian Subcontinent. Many modern writings refer to the privilege of al-Hind mentioned in classical Arabic texts as an achievement that has been enjoyed by Indian Civilization. Thus, this study takes the initiative to present the meaning of al-Hind among ancient Arabs by focusing on the part of al-Qāf and al-Kāf in the book *Muʿjam al-Buldān* by Yāqūt al-Ḥamawī. For this aim, this study conducts a literature review using *Muʿjam al-Buldān*'s as a main source and other related texts as supportive references. Initially, this study highlights the names of locations classified by al-Ḥamawī in the al-Hind region from the list under the letter of al-Qāf and the al-Kāf. It is followed by collecting further local information for each location. Subsequently, this study employs textual analysis to process the data obtained. As a result, this study identifies 12 place names included in the al-Hind region; of which 9 are located in South Asia, 2 in the Malay Peninsula and one in Indochina. The nomenclature al-Hind or India region in ancient Arab society encompasses South Asia, the Malay Archipelago and Indochina. Accordingly, the study is of the view that it is inappropriate to assume any of the characteristics of al-Hind in the Arabic classics to belong to the Indian Subcontinent without prior scrutiny. Indeed, detailed information can be found in the classic Arabic books which turns out to be very useful to grasp a clear understanding.

**Keywords**

*al-Hind; Muʿjam al-Buldān; identification; al-Qāf, al-Kāf*

---

**1.0 Pengenalan**

Kebudayaan Arab silam terkenal sebagai satu warisan yang banyak merakamkan suasana persekitaran dan kehidupan seharian mereka. Tidak ketinggalan hubungan mereka dengan masyarakat luar turut dirakamkan seawal zaman Jahiliah lagi dalam syair-syair yang dikarang. Setelah kedatangan Islam, budaya merakamkan setiap maklumat dan peristiwa terus berkembang. Secara beransur-ansur, cara perakaman maklumat dan peristiwa yang banyak bergantung secara hafalan semakin berubah kepada cara catatan di lembaran-lembaran.

Nama India yang menjadi fokus kajian ini sememangnya mendapat tempat dalam ingatan dan catatan masyarakat Arab. Nama ini kedapatan dalam syair, hadith Nabi s.a.w. dan buku-buku klasik. Antara karya Arab klasik ialah kitab *Muʿjam al-Buldān* oleh Yāqūt al-Ḥamawī yang menjadi fokus kajian ini.

Kajian sekitar kebudayaan Arab serta tamadun Islam silam sentiasa mendapat perhatian. Terdapat banyak juga pengkaji yang menyorot tentang hubungan silam Arab dan India. Antaranya Bin Mīlād (2017) dalam kajiannya *al-Maghāribat wa Tijārat al-Hind min al-Baḥr al-ʿAḥmar ʿilā al-Muḥīt al-Hindī wa al-Šīn*. Kajian menyebut tentang saudagar di tanah Arab Maghrib yang mempunyai hubungan perniagaan rempah melalui jalan laut dengan India dan China. Walaupun begitu, kajian tidak menyebut lokasi bahan mentah dan bandar pelabuhan India yang menjadi tumpuan saudagar tanah Maghrib. Selainnya, terdapat juga pengkaji daripada Asia Selatan iaitu Sahul dan Malik (2019) yang mengemukakan kajian mereka yang berjudul *Tārīkh Šilāt Bilād al-ʿArab bi Bilād Šibh al-Qārat wa Tanawwuʿihā*. Kajian menumpukan kepada hubungan Arab silam dengan Subbenua India sahaja. Antara yang disentuh ialah hasil semula jadi Subbenua India yang menjadi tarikan pedagang Arab. Bagaimanapun terdapat

penyebutan dua contoh hasil mahsul yang tidak selari dengan maklumat sejarah serta biogeografi. Hasil mahsul tersebut ialah kapur dan cengkik yang merupakan produk Alam Melayu (Ibn Khurdāhbih, 2014).

Dua contoh kajian lepas yang dipaparkan adalah gambaran kecil yang mewakili kajian-kajian kontemporari lain dalam topik yang sama, iaitu hubungan silam antara Arab dan India. Penjelasan dan kupasan tentang maksud India dalam kalangan Arab silam tidak digarap dengan baik dan menyeluruh. Sehubungan dengan itu, kajian ini ingin memaparkan maksud atau lingkungan geografi India di sisi masyarakat Arab silam dengan memberi tumpuan kepada bahagian *al-Qāf* dan *al-Kāf* dalam kitab *Mu'jam al-Buldān*.

Kitab ini ditulis oleh *Yāqūt al-Ḥamawī* yang pada asalnya seorang hamba berketurunan Rom kepada saudagar *ʿAbū Manṣūr al-Jīlī*. Beliau berpeluang mendapat pendidikan dan menyertai pengajian etika sehingga berjaya menjadi hafiz al-Quran serta penyair. Beliau akhirnya meninggal dunia pada tahun 622H/1229M (al-Dhahabī, 2006). al-Ḥamawī (1995) menyebut dengan panjang lebar tujuan beliau menulis *Mu'jam al-Buldān* dimulai dengan dua ayat al-Quran yang menjadi pendorong:

i. Ayat pertama:

أَفَلَمْ يَسِيرُوا فِي الْأَرْضِ فَتَكُونَهُمْ قُلُوبٌ يَعْقِلُونَ بِهَا أَوْ آذَانٌ يَسْمَعُونَ بِهَا ۗ فَإِنَّهَا لَا تَعْمَى الْأَبْصَارُ وَلَكِن تَعْمَى الْقُلُوبُ الَّتِي فِي الصُّدُورِ

Maksudnya:

Oleh itu, bukankah ada baiknya mereka mengembara di muka bumi supaya - dengan melihat kesan-kesan yang tersebut - mereka menjadi orang-orang yang ada hati yang dengannya mereka dapat memahami, atau ada telinga yang dengannya mereka dapat mendengar. (Tetapi kalaulah mereka mengembara pun tidak juga berguna) kerana keadaan yang sebenarnya bukanlah mata kepala yang buta, tetapi yang buta itu ialah mata hati yang ada di dalam dada.

Surah al-Ḥajj: (22): 46

ii. Ayat kedua:

قُلْ سِيرُوا فِي الْأَرْضِ فَانظُرُوا كَيْفَ كَانَ عَاقِبَةُ الَّذِينَ مِن قَبْلُ ۗ كَأَن أَكْثَرُهُمْ مُّشْرِكِينَ

Maksudnya:

Katakanlah: "Mengembaralah kamu di muka bumi kemudian lihatlah bagaimana kesudahan orang-orang yang terdahulu (yang telah dibinasakan); kebanyakan mereka adalah orang-orang musyrik".

Surah al-Rūm: (30): 42

Dua ayat tersebut menyeru manusia supaya meneroka muka bumi serta mengambil perhatian pada kejadian dan sejarah masyarakat tempatan setiap tempat supaya menjadi pedoman dan pengajaran. Di samping itu, terdapat juga faktor lain yang mengesankan *al-Ḥamawī* iaitu ketika mana berada dalam majlis *ʿAbū al-Muẓaffar ibn Saʿīd al-Samʿānī* di Merv, beliau ditanya oleh seorang hadirin tentang nama tempat *al-Ḥubāshah* yang disebut dalam hadith Nabi s.a.w. Persoalan tersebut telah mencetuskan antara sebab utama beliau mengarang kitab *Muʿjam al-Buldān*. Kitab ini memuatkan lokasi-lokasi dari serata dunia yang telah dikenalpasti oleh tamadun Islam. Lokasi tersebut disusun penyebutannya mengikut susunan huruf abjad Arab. Setiap lokasi disertakan dengan penjelasan tentang kedudukan geografi, budaya serta sejarahnya.

## 2.0 Metodologi Kajian

Kajian ini bertujuan merungkai maksud *al-Hind* atau India di sisi masyarakat Arab silam. Bagi pengumpulan data tentang topik ini, pengkaji menggunakan pendekatan kajian kepustakaan dengan memanfaatkan penggunaan secara dalam talian dengan lebih dominan berbanding penggunaan pustaka konvensional. Sumber-sumber rujukan terdiri daripada karya klasik serta kontemporari, dalam bentuk; buku, artikel dan kenyataan berautoriti di laman sesawang. Kitab *Muʿjam al-Buldān* merupakan sumber induk bagi kajian ini dengan memfokuskan kepada bahagian *al-Qāf* dan *al-Kāf* sahaja. Dua bahagian ini dipilih memandangkan nama-nama lokasi di dalamnya lebih mencakupi rantau *al-Hind*. Kajian ini menggunakan naskhah yang diterbitkan pada tahun 1995 oleh *Dār Ṣādir* yang bertempat di Beirut. Bahagian *al-Qāf* dan *al-Kāf* dalam penerbitan ini terdapat dalam jilid 4.

Kajian hanya mengumpulkan nama-nama lokasi yang diklasifikasikan oleh *Yaqūṭ al-Ḥamawī* sebagai terletak di *al-Hind* sahaja, daripada senarai nama lokasi dua bahagian tersebut. Maklumat tempatan tentang nama-nama lokasi *al-Hind* didapatkan daripada kitab yang sama serta rujukan-rujukan lain yang memberi perincian.

Seterusnya kajian melakukan analisis kandungan bagi data yang dikumpulkan. Kajian ini adalah bersifat induktif dengan mengemukakan satu pendekatan untuk mengenalpasti maksud India atau lingkungan geografinya di sisi masyarakat Arab silam. Hakikatnya, tidak terdapat identifikasi secara langsung tentang maksud *al-Hind* dalam teks Arab klasik. Sehubungan dengan itu, pendekatan kontemporari yang diamalkan secara dominan ialah memahami maksud *al-Hind* dalam teks Arab secara literal. Oleh yang demikian, kajian ini berinisiatif memaparkan pendekatan mengenal pasti kedudukan geografi lokasi-lokasi yang dianggap oleh ilmuan Arab silam sebagai *al-Hind*, yang seterusnya dapat memberi jawapan tentang lingkungan geografi yang dimaksudkan. Kajian ini memaparkan satu sampel bagi lokasi-lokasi yang dianggap oleh *Yaqūṭ al-Ḥamawī* serta ilmuan silam yang lain sebagai termasuk dalam sempadan geografi *al-Hind*. Hasil lakaran peta bagi kedudukan geografi lokasi-lokasi, dapatlah dipaparkan secara kasar lingkungan *al-Hind* yang dimaksudkan oleh masyarakat Arab silam.

### 3.0 Lokasi Lingkungan *Al-Hind* Dalam Bahagian; *Al-Qāf* Dan *Al-Kāf*, *Mu'jam Al-Buldān*

Pengumpulan data daripada bahagian *al-Qāf* dan *al-Kāf*, kitab *Mu'jam al-Buldān* memerlukan kajian melihat satu persatu senarai nama lokasi serta penjelasannya bagi mendapatkan maklumat. Nama-nama lokasi dikumpulkan dan dikenalpasti berlakunya pengulangan nama tempat yang sama. Pengulangan penyebutan lokasi yang sama biasanya berlaku disebabkan tempat tersebut dikenali dengan lebih daripada satu sebutan penamaan. Keputusannya, kajian ini berjaya mengenalpasti sebanyak 12 lokasi yang dikategorikan oleh al-Ḥamawī (1995) sebagai berada di *al-Hind* atau India. Terdapat 2 lokasi yang berlaku pengulangan tersebut. Kajian ini membahagikan taburan kedudukan bagi lokasi tersebut mengikut pembahagian geografi moden yang mudah dikenali sekarang. Secara lebih terperinci, 9 daripada lokasi terletak di Asia Selatan, 2 di Semenanjung Tanah Melayu dan 1 di Indo-China, sebagaimana berikut:

- i. Asia Selatan: *Qāmuḥul*, *Quzdār* atau *Quṣḍār* (Khuzdar), *al-Qass*, *Qishmīr*, *Qunduhār*, *Qannūj*, *al-Qīqān*, *Kābulistān* atau *Kābul* (Kabul) dan *Kink* (Lembah Ganges).
- ii. Semenanjung Tanah Melayu: *al-Qal'ah*, dan *Kalāh* atau *Kalah* (Kedah Tua).
- iii. Indochina: *Qamār* (Khmer).

Demikianlah nama 12 lokasi daripada bahagian *al-qāf* dan *al-kāf* yang dikategorikan sebagai dalam rantau *al-Hind* oleh al-Ḥamawī (1995). Sebahagian kecil daripadanya adalah nama yang sukar dikenali pada masa kini, iaitu; *Qāmuḥul*, *al-Qass*, *al-Qīqān* dan *al-Qal'ah*. Manakala sebahagian besarnya merupakan nama yang seakan-akan sama dengan nama lokasi yang masih dikenali hingga sekarang. Sebagai menyebut maklumat lanjut tentang 12 nama lokasi ini, kajian menjalinkan antara maklumat yang disebutkan oleh al-Ḥamawī dengan sumber klasik yang lain begitu juga data-data kajian semasa yang dapat memastikan kedudukan sesuatu kawasan dengan menghubungkannya dengan maklumat dan latar belakang sejarah dan ciri-ciri kedudukan geografi.

#### 3.1 Nama Lokasi Dalam Kategori Asia Selatan

Asia Selatan adalah satu penamaan moden bagi kawasan geografi yang merangkumi negara-negara; India, Nepal, Sri Lanka, Maldives, Bangladesh, Pakistan, Bhutan dan Afghanistan (UNICEF, 2019). Kajian ini dapat menengenalpasti 7 nama lokasi dalam bahagian *al-Qāf* dan *al-Kāf* yang didapati terletak di Subbenua India. Nama-nama seperti *Quzdār*, *Qishmīr*, *Qandahār*, *Qannūj*, *Kābul* dan *Kink* walaupun dalam sebutan Arab klasik, kedengaran seperti tidak asing pada pengetahuan kebanyakan masyarakat sekarang. Hal ini kerana ia masih disebut dengan nama yang tidak begitu berbeza iaitu; Khuzdar, Kashmir, Kandahar, Kannauj, Kabul dan Ganges.

Pertamanya *Quzdār* atau *Quṣḍār*, sebuah penempatan yang al-Ḥamawī sifatkan berada di pinggir wilayah *Ghaznah* (Ghazni). Ia sekarang dikenali sebagai sebuah bandar bernama Khuzdar di Pakistan (Sindhi, 2019). Seterusnya, pada Kashmir, terdapat perbezaan sebutan antara al-Ḥamawī yang menyebutnya sebagai bandar *Qishmīr* dan al-Bakri (2003) menyebutnya sebagai *Qashmīr*. Dalam pada itu al-Bakri menyifatkan *Qashmīr* sebagai sebuah kerajaan yang sangat besar dan dikelilingi oleh gunung-ganang dan terangkum dalam rantau Sindh. Demikian juga dengan Kandahar, yang mana al-Ḥamawī menyebutnya dengan nama Qunduhār. Sebaliknya al-Zabīdī (1974) menyebutnya dengan sebutan Qandahār dan menyifatkannya sebagai sebuah bandar besar yang agak berdekatan dengan Kabul. Manakala *Kābulistān* atau *Kābul* pula al-Ḥamawī menyifatkannya sebagai berdekatan dengan Tokharistan sehingga Ibn al-Faqīh al-Hamdānī (1996) menyangka ia adalah antara kubu pertahanan wilayah tersebut. Bagaimanapun al-Ḥamawī, al-Samʿānī (1981) dan al-Sahāranfūrī (t.t.) mengira Kabul sebagai termasuk dalam rantau *al-Hind* atau India.

Perbezaan sebutan juga berlaku bagi Kannauj, bilamana al-Ḥamawī menyebutnya sebagai *Qannūj*, sedangkan al-ʿAzharī (2001) menyebutnya dengan nama *Qannawj*, yang merupakan sebuah kawasan hutan. Ibn al-ʿAthīr al-Jazarī (1987) menyifatkan bandar ini letaknya agak berdekatan dengan sungai *Kink*. Pada masa yang sama *Kink* juga ada dalam senarai nama tempat dalam bahagian *al-Kāf*, *Muʿjam al-Buldān*, yang mana al-Ḥamawī memaksudkannya sebagai perlembahan sungainya. *Kink* merupakan sebutan orang Arab silam bagi Ganges, yang mana al-ʿAndalusī (2013) menyebutnya sebagai sungai yang diagungkan di India.

Terdapat juga nama-nama lokasi yang sudah tidak dikenali seperti *Qāmuhul*, *al-Qass* dan *al-Qīqān*. al-Ḥamawī menyifatkan *Qāmuhul* sebagai sebuah bandar dalam wilayah Sindh yang jaraknya satu marhalah dengan bandar *al-Manṣūrah* yang dikenali sekarang sebagai tapak arkeologi bagi bandar purba Mansura atau Brahmanabad/Brahminabad di Pakistan (Sindh Tourism Development Corporation, 2021). Jarak 1 marhalah yang disebutkan dalam pernyataan al-Ḥamawī ialah unit ukuran jarak yang digunakan dalam peradaban pada zaman beliau. Sekiranya 1 marhalah ditukar kepada unit sistem metrik, ia dianggarkan bersamaan dengan 40.32 kilometer (Dāʿirat al-ʿIftāʾ, 2014). Sepertimana *Qāmuhul*, *al-Qīqān* juga menurut al-Ḥamawī terletak di Sindh.

Manakala *al-Qass* disifatkan sebagai sebuah wilayah. Kajian ini menganggarkan ia terletak di Agra atau sekitarnya berdasarkan kenyataan al-Ḥamawī bahawa terdapat sungai Yara mengalir di *al-Qass* dan kawasan ini menghasilkan nila (*Indigofera tinctoria*) dari jenis yang paling baik. Agra memang dikenali dahulu sebagai menghasilkan jenis nila paling bermutu (Singh, 2018). Sungai yang mengalir di kawasan Agra ialah sungai Yamuna (Wilco, 2011). Kemungkinan nama Yara terhasil disebabkan berlaku peralihan sebutan pada lidah orang Arab atau kesilapan pada penulisan catatan.

### 3.2 Nama Lokasi Dalam Kategori Tanah Melayu

Tanah Melayu termasuk dalam lingkungan budaya dan geografi Nusantara. Mar dan Trang (2020) memberi pencerahan bahawa Tanah Melayu sebenarnya bermula dari Tennaserim (Tanah Seri) di utaranya melalui Tanah Segenting Kra

hingga ke Pulau Singapura di selatannya. Berdasarkan senarai lokasi pada bahagian *al-Qāf* dan *al-Kāf*, *Muʿjam al-Buldan* hanya terdapat 2 nama lokasi terletak di Tanah Melayu; iaitu *al-Qalʿah* dan *Kalah*.

al-Ḥamawī merujuk kepada `Abū Dulaf al-Khazrajī (2013) berkenaan maklumat *al-Qalʿah* yang merupakan kawasan industri berkubu dalam wilayah *Kalah* atau Kedah. Kawasan tersebut dikhususkan bagi industri logam yang orang Arab namakan *al-raṣāṣ al-Qalʿī* serta senjata pedang *al-Qalʿī*. Tempat itu satu-satunya di dunia pada masa tersebut yang mempunyai rahsia penghasilan aloi yang bermutu bernama *al-raṣāṣ al-Qalʿī*. Pedang yang diperbuat daripada aloi tersebut mengagumkan masyarakat Arab sehingga seorang ilmuan zaman Bani Umayyah bernama *Khālid ibn Yazīd mawlā Banī al-Muhallab* berbangga kerana mendakwa telah mengetahui rahsia pembuatannya (al-Jāhiz, 1999). Ibn Khurdādhbih (2014) juga menyebut bahawa aloi *al-raṣāṣ al-Qalʿī* didapatkan dari *Kalah*. Tibbets memetik pendapat Ishaq ibn `Imran ketika menjelaskan tentang komoditi-komoditi perdagangan dari timur antaranya adalah kapur barus dari *Qalāh* iaitu *Kalāh* menurutnya. Manakala Norhidayahti Muztaza (2011), Nasha (2021) menyatakan ciri-ciri negeri yang mempunyai banyak lombong biji timah dan menjalankan industri menempa pedang sebagaimana kesepakatan pendapat ahli pelayaran dan ahli geografi Arab tersebut dengan jelas merujuk kepada Kedah Tua sebagai pelabuhan purba dengan hasil penemuan arkeologinya pada masa kini iaitu bijih besi (aloi), alat logam, sisa relau dan *tuyere* (tiub relau) di Sungai Batu, Kedah. Manakala Zuliskandar (2012) menyatakan bahawa selain alatan logam seperti besi, terdapat juga manik kaca dan bata yang digunakan untuk membina candi-candi yang merupakan bahan keluaran tempatan yang menjadi asas pengiktirafan Sungai Mas sebagai pengeluar manik indo-pasifik pada abad ke-6 hingga ke-12.

Pada senarai bahagian *al-Kāf*, al-Ḥamawī selain menyebut *Kalah*, beliau juga menyebut nama lokasi lain dengan nama yang hampir sama iaitu *Kalāh*. Beliau memperkenalkan *Kalāh* sebagai tempat tumpuan kapal-kapal dagang dan menjadi perantara antara Oman di barat dan China di timur. Seolah-olahnya pada beliau kedua-duanya merupakan lokasi yang berlainan. Kelihatannya, beliau memasukkan nama lokasi *Kalāh* berdasarkan syair `Abū al-`Abbās al-Ṣafī yang beliau sebutkan:

فَتَيْتِ الْمِسْكِ وَالْغُودِ الْكَلَاهِي	لَهَا أَرْحٌ يُفَصِّرُ عَنْ مَدَاهِ
---	-------------------------------------

Maksudnya:

Mempunyai bau harum yang dibataskan pada lingkungannya Serpihan kasturi dan gaharu *Kalāh*.

Hakikatnya, al-Qalqashandī (2012) bilamana menyebut 18 jenis gaharu berdasarkan lokasinya, beliau ada menyebut dalam senarainya gaharu *Kalah* dan tidak menyebut jenis lain yang bernama gaharu *Kalāh*. Kajian ini berpendapat *Kalah* dan *Kalāh* adalah lokasi yang sama sebagai tempat tumpuan kapal-kapal dagang dan menjadi

perantaraan antara Oman di barat dan China di timur. 'Ihsan 'Abbas (1980) menyebutkan bahawa *Kalah* sebagaimana yang disebutkan oleh sebahagian besar ahli geografi Arab tentang penempatan tersebut dengan pelbagai tafsiran tentangnya namun yang dapat dipastikan bahawa negeri tersebut adalah *Keda* atau Kedah yang terletak di Semenanjung Tanah Melayu yang bertentangan dengan Sumatera.

### 3.3 Nama Lokasi Dalam Kategori Indochina

Indochina ialah bahagian geografi yang meliputi Kemboja, Laos, Myanmar, Thailand dan Vietnam (Japan International Corporation Agency, 2011). Khmer ialah satu-satunya nama lokasi *al-Hind* yang terletak di Indochina dalam senarai sampel kajian ini. al-Ḥamawī menjelaskan perbezaan menyebut nama Khmer dalam pertuturan Arab. Menurut beliau, Qamār atau Qimār ialah dua sebutan yang tidak asing kepada lapisan masyarakat awam dunia Arab, manakala golongan terpelajar menyebutnya dengan nama Qāmirūn. Ia tersohor sebagai lokasi yang menghasilkan gaharu yang sangat tinggi mutunya. Berkenaan gambaran lokasinya, Ibn Khurdādhbih (2014) menyifatkan pelayaran daripada Pulau Tioman ke kerajaan Khmer mengambil masa selama 5 hari, manakala daripada Khmer ke Champa melalui pesisiran pantai mengambil masa 3 hari.

### 4.0 Paparan Lokasi-Lokasi *al-Hind*

Kajian ini telah dapat mengenalpasti kedudukan geografi bagi nama lokasi yang terletak dalam rantau *al-Hind* berdasarkan penjelasan al-Ḥamawī dan sumber-sumber lain. Cuma berkaitan *al-Qīqān*, kajian hanya mendapat maklumat bahawa ia terletak dalam lingkungan Sindh, justeru tidak dapat menentukan lokasinya dengan lebih tepat. Nama-nama lokasi tersebut dapat dibahagikan mengikut pembahagian kawasan geografi; Asia Selatan, Tanah Melayu dan Indochina. Terdapat antaranya nama-nama yang masih dikenali hingga sekarang seperti; Khuzdar, Kashmir, Kandahar, Kannauj, Kabul, Kedah, Khmer dan Ganges. Sebagaimana terdapat juga nama yang sudah tidak dikenali seperti; *Qāmuhul*, *al-Qass*, *al-Qīqān* dan *al-Qal'ah*. Setiap nama lokasi disebutkan dalam senarai disertai kod sebagaimana di bawah bagi memudahkan pengecaman kedudukannya dalam peta yang dilakarkan:

#### i. Asia Selatan:

- a. Qāmuhul, sebuah bandar - A1
- b. Quzdār atau Quṣdār (Khuzdar), sebuah penempatan - A2
- c. al-Qass, sebuah kawasan - A3
- d. Qishmīr (Kashmir), sebuah bandar - A4
- e. Qunduhār (Kandahar), sebuah bandar - A5
- f. Qannūj (Kannauj), sebuah kawasan hutan – A6
- g. al-Qīqān, sebuah penempatan – A7
- h. Kābulistān atau Kābul (Kabul), sebuah bandar -A8
- i. Kink (Lembah Ganges)sebuah lembah sungai – A9


**ii. Semenanjung Tanah Melayu:**

- a. al-Qal'ah, kawasan industri logam di Kedah Tua - S
- b. Kalāh atau Kalah(Kedah Tua), sebuah wilayah - S

**iii. Indochina:**

- a. Qamār (Khmer), sebuah kerajaan - I

Status lokasi adalah berbeza dan terdiri daripada; kerajaan, wilayah, perlembahan sungai, bandar, kawasan hutan, kawasan industri serta penempatan yang tidak dapat dijelaskan statusnya. Bagi memaparkan *al-Hind* yang diliputi oleh lokasi-lokasi yang dirumuskan dalam kod sebagaimana di atas, Peta 1 dilakarkan untuk memberikan gambaran.



Peta 1: Taburan geografi bagi lokasi *al-Hind* (dalam bentuk rumuz) daripada bahagian *al-Qaf* dan *al-Kaf*, *Mu'jam al-Buldān*; yang meliputi Asia Selatan, Tanah Melayu dan Indochina.

Berdasarkan paparan Peta 1, dapat dilihat taburan lokasi-lokasi *al-Hind* daripada bahagian huruf *al-Qāf* dan *al-Kāf* daripada *Mu'jam al-Buldān* yang kebanyakannya bertumpu di Asia Selatan, dengan jumlah 9 lokasi. Selain daripada itu, bagi Semenanjung Tanah Melayu terdapat 2 lokasi yang digabungkan menjadi 1 dengan simbol S. Hal yang demikian disebabkan kawasan industri al-Qal'ah terletak dalam negeri Kalah. Sementara bagi Indochina terdapat 1 lokasi sahaja. Maklumat yang dapat difahami daripada analisa maklumat sampel dan paparan peta ialah *al-Hind* atau India di sisi masyarakat Arab silam tidak semestinya bermaksud Subbenua India. Tanah Melayu dan Indochina juga termasuk dalam rantau India

**5.0 Kesimpulan**

Kitab *Mu'jam al-Buldān* yang dihasilkan oleh *Yāqūt al-Hamawī* merupakan khazanah ilmu geografi yang sangat berharga. Kajian ini hanya menyorot sisi terhad sahaja dari karya ilmiah tersebut, berupa sampel daripada bahagian *al-Qāf* dan bahagian *al-Kāf*. Berdasarkan pengumpulan maklumat tentang nama-nama lokasi yang dikategorikan

oleh al-Ḥamawī serta ilmuan-ilmua silam yang lain sebagai terletak di *al-Hind* atau India, maka kajian dapat mengenal pasti 12 lokasi. Menariknya, bukan semua lokasi tersebut terletak di Subbenua India, bahkan ada yang terletak di Asia Tenggara; iaitu di Semenanjung Tanah Melayu dan Indochina. Hasil kajian mendapati kebanyakan lokasi terletak di Asia Selatan, dengan bilangan 9 lokasi bernama; *Qāmuḥul*, *Quzdār* atau *Quṣḍār* (Khuzdar), *al-Qass*, *Qishmīr*, *Qunduhār*, *Qannūj*, *al-Qīqān*, *Kābulistān* atau *Kābul* (Kabul) dan *Kink* (Lembah Ganges). Manakala Semenanjung Tanah Melayu, terdapat 2 lokasi iaitu: *al-Qal'ah*, dan *Kalāh* atau *Kalah* (Kedah Tua), serta 1 lokasi di Indochina, iaitu *Qamār* (Khmer).

Taburan geografi lokasi-lokasi tersebut memberi kefahaman awal bahawa *al-Hind* di sisi masyarakat Arab silam bukan hanya bermaksud Subbenua India. Ternyata Kedah Tua dan Khmer yang terletak di Asia Tenggara juga dikira sebagai rantau India. Sebenarnya apa yang dipaparkan pada peta ini daripada skop kajian yang terhad, justeru hanya memberi gambaran kasar sahaja. Bagi mendapatkan gambaran yang holistik tentang rantau India, seorang pengkaji perlu memaparkan semua lokasi yang dikategorikan berada di *al-Hind* dalam *Mu'jām al-Buldān*. Sehubungan daripada pencerahan tentang maksud *al-Hind*, kajian ini memberi saranan tentang cara memahami teks Arab klasik berkaitan India atau dinisbahkan kepada India. Seharusnya diselidiki dahulu asal-usul maksud *al-Hind* dalam sesuatu teks, justeru dapat ditentukan sesuatu peristiwa atau karakteristik adalah berkaitan dengan lokasi yang spesifik dalam rantau India mengikut identifikasi geografi masyarakat Arab silam.

### Penghargaan

Kajian ini adalah dengan bantuan dana daripada Geran Jangka Pendek, Universiti Sains Malaysia (304/PHUMANITI/6315367).

### Rujukan

*al-Quran al-Karim*.

ʿAbū Dulaf al-Khazrajī, M. M. (2013). *Riḥlat ʿAbī Dulaf*. J. ʿA. M. al-Ḥamāwandī. Beirut: Dar Al-Kotob Al-Ilmiyyah.

al-ʿAndalusī, ʿA. M. S. (2013). *Kitāb al-Jughrāfiyā*. Ḥ. Wuld al-Sālim. (Ed.). Beirut: Dār al-Kotob Al-Ilmiyyah.

Ibn al-ʿAthīr al-Jazarī, M. M. ʿA. (1987). *al-Kāmil fī al-tārīkh*. M. Y. Al-Daqqāq (Ed.). Beirut: Dār al-Kotob Al-Ilmiyyah.

al-ʿAzharī, M. ʿA. (2001). *Tahdhīb al-lughah*. Murʿib, M. ʿA. (Ed.). Dār ʿIḥyāʾ al-Turāth al-ʿArabī.

al-Bakrī, ʿA. ʿA. (2003). *al-Masālik wa al-Mamālik*. Ed. J. Ṭulbah. Beirut: Dār al-Kotob Al-Ilmiyyah.

- Bin Mīlād, L. (2017). al-Maghāribat wa Tijārat al-Hind min al-Baḥr al-`Aḥmar `ilā al-Muḥīṭ al-Hindī wa al-Ṣīn. *Annales Islamologiques*. Vol. 51. hlmn. 223-238. doi: <https://doi.org/10.4000/anisl.3884> . 9 Julai 2021.
- al-Dhahabiy, M. `A. (2006). *Siyar `A`lām al-nubalā`*. Kaherah: Dār al-Ḥadīth.
- Dā`irat al-`iftā`. (2014). *Taqdīr masāfat al-qaṣr `ind al-Shāfi`iyyah*. URL: <https://aliftaa.jo/Question.aspx?QuestionId=2892#.YOu1NegzbIV.12> Julai 2021.
- Ibn al-Faqīh al-Hamdānī, `A. M. `I. (1996). *Kitāb al-Buldān*. Y. Al-Hādī. (Ed.). Beirut: `Ālam al-Kutub.
- al-Ḥamawī, Y. `A. (1995). *Mu`jam al-Buldān*. Beirut: Dār Ṣādir.
- al-Jāhiz, `A. B. M. (1999). *Kitāb al-bukhalā`*. Beirut: Dār wa Maktabat al-Hilāl.
- Japan International Corporation Agency. (2011). *Indochina*. Hlmn. 54. URL: <https://www.jica.go.jp/english/publications/reports/annual/2001/pdf/200105.pdf> . 13 Julai 2021.
- Ibn Khurdādhbih, `U. `A. (2014). *al-Masālik wa al-mamālik*. Ḥ. Wuld al-Sālim. (Ed.). Beirut: Dār al-Kotob Al-ilmiyyah.
- Mar, M. T. C. & Trang, P. H. (2020). Malay minorities in The Tenasserim coast. *ASEAN journal of community engagement*. Vol 4(1). doi: <https://doi.org/10.7454/ajce.v4i1.1069> . 12 Julai 2021.
- Nasha Rodziadi K., Gooi L. J., Mokhtar S., Naizatul Akma M. M & Mohd Hasfarisham A. H., The Sungai Batu Archaeological Complex: Re-Assessing the Emergence of Ancient Kedah, *Kajian Malaysia (early view)*.
- Norhidayahti M. & Mokhtar. S. (2011), Bukti Industri Besi di Kedah Tua, Kertas kerja persidangan, Seminar Antarabangsa dalam Mengungkap Peradaban Asia Tenggara Melalui Situs Padang Lawas, Sumatera dan Sungai Batu, Kedah, Medan Indonesia di Universiti Sutematera Utara, Medan, Indonesia.
- al-Ḥumayriy, `Abd Allah Muḥammad bin `Abd Allah (1980), al-Rawḍ al-Mu`ṭār fī khabr al-`Aqṭār. Ed. `Iḥsan `Abbas, Bīrūt: Mu`assah Nāṣir li al-thaqāfah, cet.2, 1: 494;
- al-Qalqashandī, `A. `A. (2012). *Ṣubḥ al-`A`shā fī Ṣinā`at al-`Inshā*. N. K. al-Khaṭīb. (Ed.). Beirut: Dar Al-Kotob Al-ilmiyah.
- al-Sahāranfūrī, K. `A. (t.t.). *Badhl al-majhūd fī ḥall `Abī Dāwūd*. Beirut: Dar Al-Kotob Al-ilmiyah.
- Sahul, S. F. dan Malik, K. D. (2019). Tārīkh Ṣilāt Bilād al-`Arab bi Bilād Shībh al-Qārat wa Tanawwu`ihā. *Majallah Al-Qism Al-Arabi*. Lahore: University of The Punjab. Vol. 26. hlmn. 169 – 208.
- al-Sam`ānī, `A. M. M. (1981). *al-`Ansāb*. `A. M. al-Ḥulw (Ed.). Kaherah: Maktabat Ibn Taymiyyah.

- Sindhi, S. J. A. (2019). *Heritage: The ruined forts of Khuzdar*. URL: <https://www.dawn.com/news/1509245/heritage-the-ruined-forts-of-khuzdar> . 12 Julai 2021.
- Sindh Tourism Development Corporation. (2021). *Ancient city remains Brahmanabad (Mansura)*. URL: <https://stdc.gos.pk/index.php/tours/all-locations/item/50-ancient-city-remains-brahmanabad-mansura> . 12 Julai 2021.
- Singh, V. (2018). Cultivation of indigo in medieval India. *Journal of Emerging Technologies and Innovative Research*. Vol. 5(3). URL: <https://www.jetir.org/papers/JETIR1803188.pdf> . 9 Julai 2021.
- G. R. Tibbetts. Early Muslim Traders in South-East Asia. *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society*, Vol. 30, No. 1 (177) (1957), pp. 1-45
- UNICEF. (2019). *Racing to respond to the COVID-19 Crisis in South Asia*. URL: <https://www.unicef.org/rosa/racing-respond-covid-19-crisis-south-asia> . 12 Julai 2021.
- Wilco. (2011). *The World Pocket Atlas*. Mumbai: Wilco.
- al-Zabīdī, M. (1974). *Tāj al-'Arūs min jawāhīr al-qāmūs*. H. Naṣṣār. 'A. Al-Ṭahāwī & 'A. 'A. Farrāj (Ed.). Kuwait: Kementerian Penerangan.
- Zuliskandar Ramli dan Nik Hassan Shuhaimi Nik Abd. Rahman (2012), Kerajaan Kedah Tua: Pencapaian dalam Sains dan Teknologi pada Awal Abad Masihi Sehingga 14 Masihi dalam Sains dan Teknologi di Alam Melayu, Bangi: UKM Press, 359-375.